



MODUL KULIAH 6

KONSEP AKHLAQ DALAM ISLAM

Dr. Sholihul Huda, M.Fil.I

Pendahuluan

Modul ini merupakan modul Ke-6 dari 10 modul mata kuliah AIK 2. Walaupun manusia boleh dipisahkan daripada bidang ilmu atau pemikiran, bahkan juga boleh dipisahkan daripada agama dan kepercayaan, tetapi tidak boleh dipisahkan dengan akhlak atau moral. Ini kerana setiap perbuatan, amalan atau tindakan yang diambil tidak terlepas atau terkeluar daripada lingkungan hukuman sama ada terhadap dirinya atau orang lain ataupun benda lain yaitu adakah baik atau tidak segala tindakan tersebut. Jika baik, jawabannya perkara itu akan dilakukan tetapi jika jahat, perkara itu akan ditinggalkan. Itulah akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya yang dilakukan itulah akhlak yang buruk. Dari sini ternyata kedudukan akhlak dalam kehidupan manusia sehingga di kalangan orang yang tidak bermoral mereka merasakan perlu adanya suatu akhlak yang diakui bersama oleh mereka supaya dapat mengatur kehidupan yang lebih baik menurut pandangan mereka.

Islam merangkumi aqidah, dan syariat itu mengandungi roh akhlak. Akhlak adalah roh kepada risalah Islam sementara syariat adalah lembaga jelmaan daripada roh tersebut. Ini bererti Islam tanpa akhlak seperti rangka yang tidak mempunyai isi, atau jasad yang tidak bernyawa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Islam itu akhlak yang baik”*. Begitu juga sabda Baginda yang bermaksud: *“Tidak ada sesuatu yang lebih berat timbangannya selain daripada akhlak yang mulia.”*

Dalam Islam terdapat beragam akhlaq yang mengatur semua sendi kehidupan dalam masyarakat. Ada akhlaq kepada Allah dan Rasulnya, Akhlaq kehidupan Sosial, Akhlaq dalam keluarga, akhlaq dalam menjaga lingkungan, akhlaq dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Masing-masing kajian ini akan dibahas tersendiri secara mendalam pada modul ini.

Dalam modul ini kita mengkaji pengertian, perbedaan moral, etika dan akhlaq, sumber akhlaq, ciri-ciri akhlaq Islam, Akhlaq sebagai modal kesuksesan hidup dan macam-macam akhlaq. Setelah menguasai modul pertama ini, mahasiswa dapat menjelaskan dan memahami pengertian pengertian, perbedaan moral, etika dan akhlaq, sumber akhlaq, ciri-ciri akhlaq Islam, Akhlaq sebagai modal kesuksesan hidup dan macam-macam akhlaq. Secara lebih khusus setelah mempelajari modul ini anda diharapkan dapat menjelaskan dan memahami:

- Pengertian Akhlaq
- Perbedaan akhlaq, moral dan etika
- Sumber akhlaq dalam Islam
- Ciri-Ciri Akhlaq
- Macam Akhlaq (Akhlaq kepada Allah, Nabi, Lingkungan, Sosial, Keluarga dll)

Modul ini dibagi dalam 2 Kegiatan Belajar (KB):

Kegiatan belajar 1 : Konsep Dan Ruanglingkup Akhlaq Islam

Kegiatan belajar 2 : Macam-Macam Akhlaq Dalam Islam

Agar dapat berhasil dengan baik dalam mempelajari modul ini, ikuti-lah petunjuk belajar sebagai berikut:

- Bacalah dengan cermat bagian pendahuluan modul ini sampai anda memahami untuk mempelajari modul ini, dan bagaimana cara mempelajarinya
- Bacalah modul ini secara seksama dan kerjakan semua latihan yang ada
- Perhatikan contoh-contoh yang diberikan pada setiap kegiatan belajar
- Mantapkan pemahaman Anda melalui diskusi dengan kelompok belajar anda.

“Selamat belajar semoga Anda diberi kemudahan pemahaman

Allah SWT dan ilmunya bermanfaat bagi semuanya”



KEGIATAN BELAJAR 1

Konsep Dan Ruanglingkup Akhlaq Islam

A. Pengertian Akhlaq

Akhlaq dari segi bahasa: berasal daripada perkataan *khulq'* yang bererti *perilaku, perangai atau tabiat*. Maksud ni terkandung dalam kata-kata Aisyah berkaitan akhlak Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Akhlaknya (Rasulullah) adalah al-Quran.*" Akhlak Rasulullah yang dimaksudkan di dalam kata-kata di atas ialah kepercayaan, keyakinan, pegangan, sikap dan tingkah laku Rasulullah SAW yang semuanya merupakan pelaksanaan ajaran al-Quran.

Menurut Imam al-Ghazali, "*Akhlaq ialah suatu sifat yang tertanam dalam jiwa yang daripadanya timbul perbuatan-perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan terlebih dahulu.*"

Menurut Ibnu Maskawih, "*Akhlaq ialah keadaan jiwa seseorang yang mendorong untuk melakukan perbuatan-perbuatan tanpa pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu.*"

Menurut Profesor Dr Ahmad Amin, "*Akhlaq ialah kehendak yang dibiasakan dan ia akan menjadi kebiasaan yang mudah dilakukan.*" Daripada definis tersebut dapat kita fahami bahawa akhlak merupakan suatu perlakuan yang tetap sifatnya di dalam jiwa seseorang yang tidak memerlukan daya pemikiran di dalam melakukan sesuatu tindakan.

B. Perbedaan Etika dan Moral Dalam Islam

Yang dimaksudkan dengan akhlak secara umum ialah sistem atau tingkah laku manusia yang bersumberkan kepada asas wahyu atau syarak. Sementara yang dimaksudkan dengan etika ialah sistem ting-

kah laku manusia yang selain daripada wahyu, tegasnya yang bersumberkan falsafah. Kata etika berasal daripada bahasa Inggeris "Ethic" dan bahasa Greek "Ethos" yang membawa maksud nilai-nilai atau perkara yang berkaitan dengan sikap yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan.

Kata moral pula ialah tingkah laku yang telah ditentukan oleh etika. Tingkah laku yang telah ditentukan oleh etika sama ada baik atau jahat dinamakan moral. Moral ini terbahagi kepada dua iaitu baik dan jahat. Yang baik ialah segala tingkah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai baik. Dan yang jahat ialah tingkah laku yang dikenal pasti oleh etika sebagai jahat.

1. Perbezaan Antara Akhlak dan Moral/Etika

- Akhlak merupakan satu sistem yang menilai tindakan zahir dan batin manusia manakala moral ialah satu sistem yang menilai tindakan zahir manusia sahaja.
- Akhlak mencakup pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan makhluk lain manakala moral mencakupi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan manusia sahaja.
- Nilai-nilai akhlak ditentukan oleh Allah swt melalui al-Quran dan tunjuk ajar oleh Rasulullah saw manakala moral ditentukan oleh manusia.
- Nilai-nilai akhlak bersifat mutlak, sempurna dan tetap manakala nilai-nilai moral bersifat relatif, subjektif dan sementara.

2. Contoh perbezaan ahlak dan moral

- Pakaian: Menurut Islam pakaian bagi seseorang muslim mestilah menutup aurat. Seandainya mereka tidak menutup aurat maka ia telah dianggap sebagai orang yang tidak berakhlak kerana telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Berbeda dengan moral, jika seseorang itu mendedahkan aurat tetapi masih mempunyai perlakuan yang baik, maka mereka masih dianggap bermoral oleh sesetengah pihak.
- Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan : Fenomena seumpama ini sudah menjadi suatu lumrah baik masyarakat di Barat dan masyarakat kita. Berdasarkan penilaian Barat perkara ini masih dianggap bermoral, sebaliknya jika dilihat dari sudut akhlak Islam, perlakuan sedemikian sudah dianggap tidak be-

rakhlak.

- Bersalaman : Bersalaman di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya adalah haram menurut Islam walaupun tujuannya untuk merapatkan hubungan. Tetapi perkara ini dibolehkan dalam sistem moral.

C. Sumber Akhlaq Dalam Islam

Dalam Islam akhlak adalah bersumber dari dua sumber yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini ditegaskan oleh Rasulullah saw dalam sepotong hadith yang bermaksud : *“Sesungguhnya aku diutuskan hanya semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”* Allah swt telah memuji Rasulullah kerana akhlaknya yang baik seperti yang terdapat dalam al-Quran, firman Allah swt yang bermaksud : *“Sesungguhnya engkau seorang memiliki peribadi yang agung (mulia).”*

D. Ciri-Ciri Akhlaq Islam

- Islam menyeru agar manusia menghiasi jiwa dengan akhlak yang baik dan menjauhi diri dari akhlak yang buruk. Yang menjadi ukuran baik dan buruknya adalah syarak, iaitu apa yang diperintahkan oleh syarak, itulah yang baik dan apa yang dilarang oleh syarak itulah yang buruk.
- Lingkungan skop akhlak Islam adalah luas meliputi segala perbuatan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan makhluk selain manusia.
- Islam menghubungkan akhlak dengan keimanan. Orang yang paling sempurna keimanannya ialah orang yang paling baik akhlaknya.
- Adanya konsep balasan dan ganjaran pahala atau syurga oleh Allah dan sebaliknya orang yang berakhlak buruk akan mendapat dosa atau disiksa dalam neraka.

E. Akhlaq Sebagai Modal Keberhasilan Hidup

Akhlaq mempunyai kedudukan yang paling penting dalam agama Islam. Antaranya : Akhlak dihubungkan dengan tujuan risalah Islam atau

antara perutusan utama Rasulullah saw. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : *“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”* Pernyataan Rasulullah itu menunjukkan pentingnya kedudukan akhlak dalam Islam.

- Akhlak menentukan kedudukan seseorang di akhirat nanti yang mana akhlak yang baik dapat memberatkan timbangan amalan yang baik. Begitulah juga sebaliknya. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : *“Tiada sesuatu yang lebih berat dalam daun timbangan melainkan akhlak yang baik.”*
- Akhlak dapat menyempurnakan keimanan seseorang mukmin. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : *“Orang mukmin yang paling sempurna keimanannya adalah yang paling baik akhlaknya.”*
- Akhlak yang baik dapat menghapuskan dosa manakala akhlak yang buruk boleh merosakkan pahala. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : *“Akhlak yang baik mencairkan dosa seperti air mencairkan ais (salji) dan akhlak merosakkan amalan seperti cuka merosakkan madu.”*
- Akhlak merupakan sifat Rasulullah saw di mana Allah swt telah memuji Rasulullah kerana akhlaknya yang baik seperti yang terdapat dalam al-Quran, firman Allah swt yang bermaksud : *“Sesungguhnya engkau seorang yang memiliki peribadi yang agung (mulia).”* Pujian Allah swt terhadap Rasulullah dengan akhlak yang mulia menunjukkan betapa besar dan pentingnya kedudukan akhlak dalam Islam. Banyak lagi ayat-ayat dan hadith-hadith Rasulullah saw yang menunjukkan ketinggian kedudukan akhlak dan menggalakkan kita supaya berusaha menghiasi jiwa kita dengan akhlak yang mulia.
- Akhlak tidak dapat dipisahkan dari Islam, sebagaimana dalam sebuah hadith diterangkan bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah saw : *“Wahai Rasulullah, apakah itu agama?”* Rasulullah menjawab : *“Akhlak yang baik.”*
- Akhlak yang baik dapat menghindarkan seseorang itu daripada neraka sebaliknya akhlak yang buruk menyebabkan seseorang itu jauh dari syurga. Sebuah hadith menerangkan bahawa, *“Si fulan pada siang harinya berpuasa dan pada malamnya bersembahyang sedangkan akhlaknya buruk, mengganggu jiran tetangganya dengan perkataannya. Baginda bersabda : tidak ada kebaikan dalam ibadahnya, dia adalah ahli neraka.”*

- Salah satu rukun agama Islam ialah Ihsan, iaitu merupakan asas akhlak seseorang muslim. Ihsan iaitu beribadat kepada Allah seolah-olah kita melihatNya kerana walaupun kita tidak melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihat kita.

Akhlak merupakan garis pemisah antara yang berakhlak dengan orang yang tidak berakhlak. Akhlak juga merupakan roh Islam yang mana agama tanpa akhlak samalah seperti jasad yang tidak bernyawa. Oleh itu salah satu misi yang dibawa oleh Rasulullah saw ialah membina kembali akhlak manusia yang telah runtuh sejak zaman para nabi yang terdahulu ekoran penyembahan berhala oleh pengikutnya yang telah menyeleweng.

Hal ini juga berlaku pada zaman jahiliyyah yang mana akhlak manusia telah runtuh berpunca daripada mewarisi perangai umat yang terdahulu dengan tradisi meminum arak, membuang anak, membunuh, melakukan kezaliman sesuka hati, menindas, suka memulau kaum yang rendah martabatnya dan sebagainya. Dengan itu mereka sebenarnya tidak berakhlak dan tidak ada bezanya dengan manusia yang tidak beragama.

Akhlak juga merupakan nilai yang menjamin keselamatan daripada api neraka. Islam menganggap mereka yang tidak berakhlak tempatnya dia dalam neraka. Umpamanya seseorang itu melakukan maksiat, menderhaka kepada ibu bapa, melakukan kezaliman dan sebagainya, sudah pasti Allah akan menolak mereka daripada menjadi ahli syurga. Selain itu, akhlak juga merupakan ciri-ciri kelebihan di antara manusia kerana ianya lambang kesempurnaan iman, ketinggian taqwa dan kealiman seseorang manusia yang berakal. Dalam hal ini Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: *“Orang yang sempurna imannya ialah mereka yang paling baik akhlaknya.”*

Kekalnya sesuatu ummah juga kerana kukuhnya akhlak dan begitulah juga runtuhnya sesuatu ummah itu kerana lemahnya akhlaknya. Hakikat kenyataan di atas dijelaskan dalam kisah-kisah sejarah dan tamadun manusia melalui al-Quran seperti kisah kaum Lut, Samud, kaum nabi Ibrahim, Bani Israel dan lain-lain. Ummah yang berakhlak tinggi dan sentiasa berada di bawah keredhaan dan perlindungan Allah ialah ummah yang seperti di Madinah pada zaman Rasulullah saw.

Ketiadaan akhlak yang baik pada diri individu atau masyarakat akan menyebabkan berlaku pelbagai krisis dalaman dan luaran seperti krisis nilai diri, keruntuhan rumahtangga, masyarakat belia yang mundur dan boleh membawa kepada kehancuran sesebuah negara. Presiden Perancis ketika memerintah Perancis dulu pernah berkata : *“Kekalahan*

Perancis di tangan tentera Jerman disebabkan tenteranya runtuh moral dan akhlak.”

Pencerminan diri seseorang sering digambarkan melalui tingkah laku atau akhlak yang ditunjukkan. Malahan akhlak merupakan perhiasan diri bagi seseorang sebagaimana aqidah merupakan tunjang agama, syariat merupakan cabang dan rantingnya manakala akhlak adalah yang mewarnai seperti bunga-bunga yang menyerikan hiasan pokok tersebut.

Akhlak tidak dapat dibeli atau dinilai dengan wang ringgit la wujud di dalam diri seseorang hasil daripada didikan kedua ibu bapa atau penjaga serta pengaruh dari masyarakat sekeliling mereka. Jika sejak kecil kita didedahkan dengan akhlak yang mulia, maka secara tidak langsung ia akan mempengaruhi tingkah laku dalam kehidupan sehari-hari hinggalah seterusnya.

Proses pembentukan sesebuah masyarakat adalah sama seperti membina sebuah bangunan. Kalau dalam pembinaan bangunan, asasnya disiapkan terlebih dahulu, begitu juga dengan membentuk masyarakat mesti dimulakan dengan pembinaan asasnya terlebih dahulu. Jika kukuh asas yang dibina maka tegaklah masyarakat itu. Jika lemah maka robohlah apa-apa sahaja yang dibina di atasnya.

Akhlak amat penting kerana merupakan asas yang dilakukan oleh Rasulullah saw ketika memulakan pembentukan masyarakat Islam. Sheikh Mohamad Abu Zahrah dalam kitabnya *Tanzim al-Islam Li al-Mujtama'* menyatakan bahawa *budi pekerti atau moral yang mulia adalah satu-satunya asas yang paling kuat untuk melahirkan manusia yang berhati bersih, ikhlas dalam hidup, amanah dalam tugas, cinta kepada kebaikan dan benci kepada kejahatan.*

F. Jalan-Jalan Pembentuk Ahlak Mulia

Akhlak adalah sesuatu perilaku yang boleh diubah dan dibentuk, contohnya Saidina Umar al-Khattab, sebagaimana keadaan beliau semasa berada di zaman jahiliyyah berbanding keadaannya sesudah memeluk agama Islam. Dari sini dapat disimpulkan bahawa akhlak merupakan sesuatu yang semulajadi tetapi ianya perlu dibentuk. Terdapat beberapa cara untuk membentuk dan membina akhlak mulia. Antara cara-cara itu ialah melalui:

1. Pendidikan Iman sebagai Asas Akhlak

2. Melalui Latihan dan Bimbingan Pendidik Berkualitas
3. Mengambil Rasulullah saw Sebagai Contoh

Rasulullah adalah contoh teladan dan ikutan yang paling tepat bagi semua peringkat kehidupan. Bersesuaian dengan itu, Allah swt telah berfirman bahawa Nabi Muhammad saw diutuskan kepada manusia untuk menyempurnakan akhlak di kalangan mereka. Firman Allah yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah saw itu contoh ikutan yang baik bagi orang-orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik di hari akhirat serta sentiasa menyebut dan memperingati Allah dalam masa senang dan susah.”* Contoh-contoh akhlak Rasulullah saw:

G. Faktor-Faktor Keruntuhan Ahlak

1. lingkungan sosial

Faktor lingkungan sosial banyak mempengaruhi pembentukan peribadi seseorang. Antaranya ialah:

- Individu yang hidup dalam keluarga yang tidak mengamalkan cara hidup yang berakhlak, maka jiwanya akan terdidik dengan tingkah laku, tutur kata dan gaya hidup yang tidak baik.
- Kehadiran teknologi canggih dalam media massa sama ada bercetak atau elektronik juga sedikit sebanyak memberi kesan dalam pembentukan akhlak seseorang yaitu melalui adegan-adegan ganas dan berunsur seks yang boleh merosakkan jiwa mereka.
- Pengaruh rakan sebaya dan masyarakat sekeliling juga merupakan faktor yang membentuk keperibadian dan akhlak seperti tingkah laku, tutur kata dan cara bertindak.
- Permasalahan keluarga yang melibatkan ibu bapa contohnya pergaduhan dan perceraian boleh membawa kepada permasalahan sosial seperti lari dari rumah, menyertai rakan sebaya mahupun kumpulan yang rosak akhlaknya sehingga membawa kepada pergaulan bebas, perzinaan, pengambilan dadah, pelacuran (bohsia) dan seumpamanya.
- Budaya masyarakat yang cenderung ke arah liberalisme juga membawa masyarakat kini mudah terjebak dengan budaya rock, rap, lepak dan seumpamanya.

2. Nafsu

Nafsu adalah anugerah Allah swt kepada manusia dan nafsu juga adalah musuh sebatian dengan diri manusia yang melaksanakan hasrat nafsu manusia. Manusia yang terlalu menurut kehendak nafsunya akan terdorong untuk melakukan keburukan. Seandainya nafsu tidak dapat dikawal, sudah pasti boleh menghilangkan maruah diri, agama dan nilai budaya sesebuah masyarakat dan membawa kepada kemungkaran sebagaimana berlaku dalam masyarakat kini.

3. Syaitan

Satu lagi musuh ghaib yang sentiasa mendampingi manusia dengan memperalatkan nafsu manusia iaitu syaitan. Fungsi syaitan adalah sebagai agen perosak akhlak manusia berlaku sejak Nabi Adam a.s. dan berterusan hingga ke hari kiamat.

Kesimpulannya setiap manusia yang hidup terpaksa menghadapi ujian dan cubaan hidup dalam usaha melatih diri menjadi manusia yang berakhlak dan bersedia menghadapi segala rintangan.

H. Cara-Cara Mengatasi Dan Memperbaiki Akhlak Dalam Islam

1. Menkuatkan nilai-nilai aqidah dan keimanan dalam jiwa.
2. Mengawal pancaindera daripada melihat atau mendengar perkara-perkara yang membangkitkan atau menguatkan syahwat dan hawa nafsu yang menjadi punca segala sifat buruk dan keji.
3. Mempelajari huraian atau penjelasan al-Quran dan Hadith serta penafsirannya oleh para ulama mengenai akhlak terpuji untuk membersihkan jiwa.
4. Melatih diri membiasakan perbuatan-perbuatan baik seperti ibadah berupa solat, puasa dan lain-lain dan menjauhkan diri daripada segala perbuatan buruk dan keji.
5. Berkawan dan berjiran dengan orang-orang yang berakhlak mulia kerana kawan atau jiran memberi kesan atau pengaruh dalam pembinaan akhlak seseorang.
6. Mempelajari kehidupan para nabi, sahabat, ulama atau auliya dan menjadikan kehidupan mereka sebagai contoh teladan dalam kehidupan kita.

7. Dalam segala tindak tanduk kita hendaklah sentiasa mengikut dan menggunakan akal fikiran dan janganlah mengikut perut dan hawa nafsu kita.
8. Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah swt agar dilengkapkan diri dengan akhlak yang mulia dan mendapatkan perlindungan daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

RANGKUMAN

Akhlaq mempunyai kedudukan yang paling penting dalam agama Islam. Antaranya : Akhlaq dihubungkan dengan tujuan risalah Islam atau antara perutusan utama Rasulullah saw. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : *“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.”* Pernyataan Rasulullah itu menunjukkan pentingnya kedudukan akhlak dalam Islam.

Terdapat beberapa cara untuk membentuk dan membina akhlak mulia. Antara cara-cara itu ialah melalui: Pendidikan Iman sebagai Asas Akhlak, Melalui Latihan dan Bimbingan Pendidik Berkualiti Mengambil Rasulullah saw. Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak, lingkungan sosial, nafsu, syaitan. Cara-Cara Mengatasi Dan Memperbaiki Akhlak Dalam Islam, Menguatkan nilai-nilai aqidah dan keimanan dalam jiwa. Mengawal pancaindera daripada melihat atau mendengar perkara-perkara yang membangkitkan atau menguatkan syahwat dan hawa nafsu yang menjadi punca segala sifat buruk dan keji.

LATIHAN

Jelaskan Dan diskusikan bersama kelompok anda terkaat pertanyaan di bawah ini!

1. Mengapa akhlaq memiliki posisi penting dalam kehidupan bermasyarakat?
2. Mengapa akhlaq menjadi standart kemuliaan daripada harta dan jabatan?
3. Mengapa orang bisa jaya dan runtuh karena akhlaq?
4. Menurut anda, yang tidak ada dalam pemimpin kita hari ini apa? Dan mengapa?

PETUNJUK JAWABAN LATIHAN

Untuk menjawab nomor 1-4 silahkan dikaji kembali isi materi

TES FORMATIF 1

1. Bagaimana cara memperbaiki akhlaq dalam Islam?
 - a. Mempelajari kehidupan para Nabi
 - b. Membaca buku sejarah
 - c. Mempelajari kehidupan para politisi
2. Faktor apa yang dapat merusak akhlaq?
 - a. Lingkungan sosial
 - b. Kehidupan keagamaan
 - c. Lingkungan Pesnatren
3. Jalan apa saja yang dapat membentuk akhlaq?
 - a. Melalui Latihan dan Bimbingan Pendidik Berkualitas
 - b. Melalui Muhasabah
 - c. Melalui berzikir
4. Sebutkan ciri-ciri akhlaq dalam Islam?
 - a. Adanya konsep balasan abik buruk
 - b. Bertakwa kepada Allah
 - c. Percaya pada hari akhir
5. Sumber akhlaq dalam Islam adalah?
 - a. Ijtihad
 - b. Al-Quran-Hadis
 - c. Ijma Sahabat

cocokkanlah jawaban anda dengan kunci Tes Formatif yang terdapat dibagian akhir modul ini. Hitunglah jawaban yang benar, kemudian gunakan rumus berikut untuk mengetahui tingkat penguasaan mahasiswa.

$$\text{Tingkat penguasaan} = \frac{\text{Jumlah Jawaban yang Benar}}{\text{Jumlah Soal}} \times 100\%$$

Arti tingkat penguasaan;

90 — 100 = Baik Sekali

80 — 89 = Baik

70 — 79 = Cukup

< 70 = Kurang

Apabila mencapai tingkat penguasaan 80% atau lebih, mahasiswa dapat meneruskan dengan modul berikutnya, jika dibawah 80% harus mengulangi materi.



KEGIATAN BELAJAR 2

Macam-Macam Akhlaq Dalam Islam

A. Akhlaq Kepada Allah dan Rasul-Nya

Cakupan akhlak Islam adalah luas merangkumi segenap perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia sama ada hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan makhluk lain.

Akhlaq dengan Allah: Antara ciri-ciri penting akhlak manusia dengan Allah swt ialah:

- Beriman kepada Allah : yaitu mengakui, mempercayai dan meyakini bahawa Allah itu wujud serta beriman dengan rukun-rukunnya dan melaksanakan tuntutan-tuntutan di samping meninggalkan sebarang sifat atau bentuk syirik terhadapnya.
- Beribadah atau mengabdikan diri, tunduk, taat dan patuh kepada Allah: yaitu melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya dengan ikhlas semata-mata kerana Allah swt.
- Senantiasa bertaubat dengan tuhan nya : yaitu apabila seseorang mukmin itu terlupa atau jatuh kepada kecuai an dan kesilapan yang tidak seharusnya berlaku lalu ia segera sedar dan insaf lalu meminta taubat atas kecuaiannya.
- Mencari keredhaan Tuhannya: yaitu sentiasa mengharapkan Allah dalam segala usaha dan amalannya. Segala gerak geri hidupnya hanyalah untuk mencapai keredhaan Allah dan bukannya mengharapkan keredhaan manusia walaupun kadang kala terpaksa membuat sesuatu kerja yang menyebabkan kemarah-

an manusia.

- Melaksanakan perkara-perkara yang wajib, fardhu dan nawafil.
- Ikhlas menerima Qadha' dan Qadar Allah : Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : *"Apabila mendapat kesenangan dia bersyukur dan apabila dia ditimpa kesusahan dia bersabar maka menjadilah baik baginya."*

Akhlak dengan Rasulullah : yaitu beriman dengan penuh keyakinan bahawa nabi Muhammad saw adalah benar-benar nabi dan Rasul Allah yang menyampaikan risalah kepada seluruh manusia dan mengamalkan sunnah yang baik yang berbentuk suruhan ataupun larangan.

Akhlak Rasulullah saw dengan Allah swt

1. Mengabdikan diri setiap detik dan masa kepada Allah dengan penuh kepatuhan, ketaatan, kecintaan dan kesyukuran yang tidak berbelah bagi terhadap Allah di samping redha dengan apa yang telah ditentukan oleh Allah kepadanya.
2. Melaksanakan kewajipan yang wajib atau difardhukan serta amalan-amalan sunat seperti bangun malam mengadakan Qiyamullail, berpuasa sunat, zikir, istighfar, doa, tasbih, tahmid dan sebagainya.
3. Akhlak Rasulullah saw dengan sesama manusia
4. Akhlak Rasulullah saw meliputi aspek kekeluargaan, soial, ekonomi, politik dan sebagainya. Dari aspek kekeluargaan, Rasulullah saw berjaya mewujudkan suasana yang harmoni dan Rasulullah saw pernah bersabda: *"Rumahku adalah syurgaku."*
5. Rasulullah saw merupakan seorang yang bertanggungjawab, sentiasa memberi kasih sayang, berlemah lembut dan bertolak ansur terhadap semua ahli keluarganya.
6. Rasulullah saw juga selalu berbincang dengan para sahabat dan menghargai pandangan yang diberikan oleh mereka.
7. Begitu juga akhlak dan sikap Rasulullah saw terhadap orang bukan Islam iaitu menghormati mereka, bersopan santun dan memberi haknya kepada mereka terutama dari segi kejiwaan. Contohnya kisah baginda dengan seorang wanita Yahudi (jirannya) yang akhirnya wanita Yahudi tersebut telah memeluk Islam atas keprihatinan, kesabaran dan kemuliaan akhlak yang ditonjolkan oleh Rasulullah saw.
8. Akhlak Rasulullah saw dengan makhluk lain.

9. Rasulullah saw begitu peka dan prihatin terhadap makhluk yang lain seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar.

Rasulullah saw menasihati umatnya supaya berlaku ihsan kepada haiwan dan binatang ternakan serta tidak menzalimi atau menyiksa mereka. Demikian juga tumbuh-tumbuhan dan alam sekitar.

B. khlaq Dalam Keluarga

- Akhlak dengan ibu bapak

Berbuat baik (berbakti) ke pada ibu bapa. Berbuat baik di sini mengandungi erti meliputi dari segi perbuatan, perkataan dan tingkah laku. Contohnya berkata dengan sopan dan hormat, merendahkan diri, berdoa untuk keduanya dan menjaga keperluan hidupnya apabila mereka telah uzur dan sebagainya. Firman Allah swt yang bermaksud: “Kami perintahkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapa.”

- Akhlak suami isteri

firman Allah swt yang bermaksud : “Dan gaulilah olehmu isteri-isteri itu dengan baik.”

- Akhlak dengan anak-anak

Islam menetapkan peraturan terhadap anak-anak. Sabda Rasulullah saw yang bermaksud : “Kanak-kanak lelaki disembelih aqiqahnya pada hari ketujuh dari kelahirannya dan diberi nama dengan baik-baik dan dihindarkan ia daripada perkara-perkara yang memudharatkan. Apabila berusia enam tahun hendaklah diberi pengajaran dan pendidikan akhlak yang baik.”

- Akhlak dengan kaum kerabat

Firman Allah yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan dan memberi kepada kaum kerabat.”

C. Akhlaq Lingkungan Sosial

- Akhlak dengan guru

Maksud dari sebuah hadits Nabi saw: “Muliakanlah orang yang kamu belajar daripadanya.” Setiap murid dikehendaki memuliakan dan menghormati gurunya kerana peranan guru mengajarkan sesuatu ilmu yang merupakan perkara penting di mana dengan ilmu tersebut manusia dapat menduduki tempat yang mulia dan terhormat dan dapat mengatasi berbagai kesulitan hidup sama ada kehidupan di dunia ataupun di akhirat.

- Akhlak kepada jiran tetangga:

Umat Islam dituntut supaya berbuat baik terhadap jiran tetangga. Contohnya tidak menyusahkan atau mengganggu mereka seperti membunyikan radio kuat-kuat, tidak membuang sampah di muka rumah jiran, tidak menyakiti hati mereka dengan perkataan-perkataan kasar atau tidak sopan dan sebagainya. Malah berbuat baik terhadap jiran tetangga dalam pengertiannya itu dapat memberikan sesuatu pemberian kepada mereka sama ada sokongan moral atau material.

